

Secara amnya, undang-undang sedia ada seperti Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998, Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (ASKM) 1998, Akta Fitnah 1957, Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan diguna dalam membendung aktiviti berbaur hasutan dan penghinaan terhadap agama melalui media sosial atau nyata. Di samping itu, bagi mempertingkatkan lagi pengawalan tindakan penyalahgunaan internet khususnya media sosial, Kementerian sedang mengambil tindakan menyemak semula dan menambahbaik AKM 1998.

**SOALAN ( 58 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16 JUN 2015  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID  
[ KOTA TINGGI ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID  
[ KOTA TINGGI ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah  
Kementerian mempunyai pelan strategik jangka panjang dalam sistem  
pengurusan sisa pepejal yang lebih efektif.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan pengurusan sisa pepejal yang efektif di negara ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) sentiasa berpandukan kepada Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara (DPSP) yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 2006. Matlamat dasar ini antara lain adalah untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif, mampu dan diterima masyarakat yang mementingkan pemeliharaan alam sekitar, pemilihan teknologi yang mampu bayar dan menjamin kesihatan awam.

Di samping itu, Kementerian ini juga telah menyediakan Pelan Strategik Kebangsaan bagi Pengurusan Sisa Pepejal (PSKPSP) pada tahun 2005 yang merupakan rujukan dalam merancang dan membangunkan sistem pengurusan sisa pepejal secara jangka panjang di negara ini. Dokumen ini

juga merupakan rujukan asas bagi semua bentuk perancangan kemudahan sisa pepejal di negara ini.

Selain itu, satu kajian yang telah dijalankan oleh KPKT dengan kerjasama *Japan International Cooperation Agency* (JICA) pada tahun 2006 telah menghasilkan dokumen Kajian Pengurangan Sisa Kebangsaan (KPSK) di mana antara objektifnya adalah untuk menyediakan pelan induk, pelan tindakan dan garis panduan yang selaras dengan PSKPSP dalam mempromosikan usaha pengurangan sisa dan amalan 3R (*Reduce, Reuse and Recycle*) di Malaysia.

Pada masa ini KPKT sedang menjalankan lapan kajian mengenai keperluan kemudahan pengurusan sisa pepejal mengikut zon di negara ini. Kajian ini apabila siap kelak akan menjadi rujukan keperluan bagi perancangan dan pembangunan sistem pengurusan sisa pepejal secara jangka panjang di negara ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015